



PERBENDAHARAAN NEGERI KELANTAN
PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BILANGAN 5 TAHUN 2010

Ke Majlis,

Semua Ketua Jabatan Negeri

Dato'/Tuan/Puan,

AKAUN BANK BERASINGAN BAGI SUMBER HASIL TIDAK HALAL

Pekeliling Perbendaharaan Negeri ini adalah bertujuan memaklumkan bahawa selaras dengan keputusan Kerajaan Negeri, Perbendaharaan Negeri telah menyelenggara Akaun Bank berasingan bagi mengakaunkan kutipan wang daripada sumber hasil tidak halal. Wang yang diterima dari sumber hasil tidak halal hanya boleh digunakan untuk membiayai program dan projek infrastruktur dan kemudahan asas sahaja. Contoh-contoh sumber hasil tidak halal adalah seperti di *Lampiran* berkembar.

Semua Jabatan diminta supaya mengakaunkan kutipan wang daripada sumber hasil tidak halal di dalam akaun bank seperti berikut:-

No. Akaun

03018010145460

Nama Bank

Bank Islam Malaysia Berhad

Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bilangan 5 Tahun 2010 ini berkuatkuasa mulai **1 September 2010**.

Sekian, terima kasih.

*** SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT***

Saya yang menurut perintah,

(DATO' HAJI MOHD FAUDZI BIN HAJI CHE MAMAT)

Pegawai Kewangan Negeri

Kelantan

My Documents\pekelling

Bertarikh : 16 Ogos 2010

Sk: Yang Berhormat Dato' Seri Setia Raja Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.
Yang Amat Berusaha Pengarah Audit Negeri Kelantan
Yang Berusaha Bendahari Negeri.

SENARAI CONTOH HASIL TIDAK HALAL

BIL.	PERIHAL
1.	PERMIT IMPORT/EKSPORT KHINGZIR
2.	LESEN KEDAI DAGING KHINGZIR
3.	LESEN ANJING
4.	PENDAFTARAN ANJING
5.	KOMPAUN/LELONG BINATANG SELUDUP (KHINGZIR)
6.	LESEN MENJUAL MINUMAN KERAS (RUNCIT)
7.	LESEN GUDANG/PENGEDAR MINUMAN BIR
8.	LESEN KEDAI TUAK
9.	LESEN RUMAH BIR